

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI
PETANI]**
TARIKH : 10 JUN 2015
SOALAN :

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah kes denggi yang dilapor diseluruh negara sejak Januari hingga Mac 2015; dan
- (b) tidakkah Kementerian berhajat untuk membentuk satu pasukan dengan diberi peruntukan yang secukupnya bagi betul-betul membuat kajian dan penyelidikan bagi memerangi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Jumlah kes denggi yang dilapor di seluruh negara sejak Januari hingga Mac 2015 adalah sebanyak 32,535 kes.

b) Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Institusi-institusi penyelidikannya telah dan sedang menjalankan pelbagai penyelidikan berkaitan dengan denggi. Ini termasuk penyelidikan mengenai :-

- (i) kaedah-kaedah kawalan vektor denggi;
 - (ii) perkembangan terkini mengenai virus denggi termasuk strain yang tersebar;
 - (iii) pelbagai kajian klinikal termasuk kajian rawatan dan ujian diagnosis;
 - (iv) kajian keatas kes kes kematian;
 - (v) penyelidikan mengenai 'immunopathogenesis' penyakit ini;
- dan

Kajian rintangan terhadap racun serangga yang digunakan untuk kawalan serta penyelidikan lain yang berkenaan. Penyelidikan-penyelidikan tersebut semuanya diberi keutamaan dan dibiayai oleh peruntukan dari *National Institute of Health (NIH)*, Kementerian Kesihatan Malaysia. Kementerian Kesihatan juga terlibat dalam kajian-kajian vaksin denggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebahagian dari hasil penyelidikan seperti semburan residu luar (ORS), semburan agen biologi *Bacillus thuringiensis* (Bti) dan semburan racun serangga yang boleh bertindak membunuh nyamuk dewasa dan jejentik secara serentak dengan satu semburan telah digunapakai oleh Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia. Dari segi perkembangan terkini

mengenai virus denggi, denggi serotype 1 masih merupakan serotype yang paling utama setakat April 2015 diikuti oleh virus dengue serotype 2. Kajian ini penting kerana dapat memberi gambaran kemungkinan kes denggi meningkat apabila terdapat sebarang pertukaran dalam virus denggi yang tersebar.

KKM juga telah memulakan kajian yang lebih terperinci mengenai kesan virus denggi serta reaksi imun pesakit dalam kes-kes kematian denggi serta pesakit yang mengalami “multi organ failure”, untuk lebih memahami “immunopathogenesis” penyakit ini. Selain daripada itu, Kementerian Kesihatan Malaysia, melalui Institut Penyelidikan Perubatan juga terlibat dalam penyelidikan vaksin denggi dengan agensi-agensi lain kerajaan. Penyelidikan tersebut masih dalam fasa awal pembangunan vaksin.